

**PERANAN SIKAP, PENGETAHUAN DAN
AMALAN KEWANGAN TERHADAP
PEMERKASAAN EKONOMI IBU TUNGGAL**

oleh

SITI RUHANI BINTI MOHD YUSOFF

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera (Pengurusan)**

Ogos 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis sarjana ini. Jutaan terima kasih kepada penyelia utama, Dr Zarina Md Nor yang komited dalam memberi tunjuk ajar, nasihat serta motivasi yang sangat berguna sepanjang pengajian. Sekalung penghargaan juga kepada penyelia bersama, Dr Bahiyah Omar yang sentiasa bersedia memberi latihan dan bimbingan dalam kelancaran tesis ini. Tulang belakang kepada kejayaan saya ini adalah suami tercinta, Hafiz yang sangat membantu, memahami serta sentiasa disisi dan si kecil tersayang, Danish yang sangat menceriakan. Terima kasih juga kepada ibu, Puan Fatimah dan ayah, Encik Yusoff serta nenek, Hajah Amnah dan adik beradik yang lain kerana memberi sokongan yang tidak terhingga. Juga, penghargaan diberikan kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi galakan dan menjadi pendengar yang baik. Perjuangan saya dalam bidang penyelidikan baru sahaja bermula dan masih banyak yang perlu dipelajari. Semoga minat dan asas yang saya miliki ini dapat membawa saya ke peringkat pengajian yang lebih tinggi pada masa hadapan. Setiap doa dan sokongan daripada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini, akan saya kenang hingga ke akhir hayat. Harapan saya agar kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah.....	xii
Abstrak.....	xiii
Abstract.....	xiv

BAB 1 – PENGENALAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latarbelakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	5
1.3 Objektif Kajian.....	8
1.4 Soalan Kajian.....	9
1.5 Kepentingan Kajian.....	10
1.6 Takrifan Istilah.....	14
1.7 Skop Kajian.....	17
1.8 Susunatur Kajian.....	19

BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan.....	20
2.1	Ibu tunggal.....	20
2.2	Pemeriksaan.....	25
2.3	Konsep Pemeriksaan.....	27
2.4	Pemeriksaan Wanita.....	30
2.4.1	Pemeriksaan Ekonomi Wanita.....	32
2.4.2	Kajian Ibu Tunggal dan Pemeriksaan Wanita Di Malaysia.....	35
2.5	Teori-Teori Yang Menguji Sikap.....	36
2.6	Model KAP.....	40
2.7	Kerangka Kajian.....	43
2.8	Hipotesis.....	45

BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan.....	46
3.1	Kaedah Kajian.....	46
3.1.1	Kaedah Persampelan.....	47
3.1.2	Teknik Persampelan.....	48
3.1.3	Kriteria Subjek Kajian.....	50
3.1.4	Penyertaan Subjek Kajian.....	51

3.1.5	Kerahsian Maklumat Kajian.....	51
3.2	Kaedah Pengumpulan Data.....	51
3.2.1	Data Primer.....	51
3.2.2	Maklumat Sekunder.....	52
3.3	Instrumen Kajian.....	53
3.3.1	Bahagian A : Maklumat Demografi.....	54
3.3.2	Bahagian B : Maklumat Deskriptif.....	54
3.3.3	Bahagian C : Sikap, Pengetahuan dan Amalan Kewangan.....	54
3.3.4	Bahagian D : Kebebasan Peribadi, Keputusan Ekonomi..... Keluarga dan Pembuatan Keputusan Isirumah	55
3.3.5	Protokol Kajian.....	55
3.3.6	Jawapan Borang Kaji Selidik.....	56
3.4	Konseptualisasi.....	56
3.5	Operationalisasi.....	61
3.6	Kaedah Analisis Data.....	64
3.6.1	SPSS.....	65
3.6.2	SmartPLS.....	66
3.7	Kajian Rintis.....	67
3.8	Rumusan.....	69

BAB 4 – KEPUTUSAN KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	70
4.1	Analisis Demografi.....	70
4.1.1	Maklumat Asas.....	70
4.1.2	Maklumat Sosial dan Sosioekonomi.....	73
4.1.3	Maklumat Kediaman.....	75
4.1.4	Medium Komunikasi dan Sumber Maklumat, Kenderaan..... dan Kewangan	76
4.2	Analisis Deskriptif.....	77
4.2.1	Taburan Skor Mengikut Item Bagi Sikap, Pengetahuan..... dan Amalan Kewangan	78
4.2.2	Taburan Skor Mengikut Item Bagi Kebebasan Peribadi,..... Keputusan Ekonomi Keluarga dan Pembuatan Keputusan Isirumah	80
4.2.3	Taburan Skor Mengikut Pembolehubah Kajian.....	82
4.3	Analisis Kolerasi.....	83
4.3.1	Perhubungan Antara Kesemua Pembolehubah Dalam..... Kajian	84
4.4	Analisis PLS.....	87
4.4.1	Pengujian Teori.....	87
4.4.2	Model Pengukuran.....	89
4.4.3	Model Struktural (Model Asas).....	94

4.4.4	Model Struktural (Model Pemeraksanaan Ekonomi).....	98
4.5	Pengujian Hipotesis.....	102

BAB 5 – PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan.....	105
5.1	Analisis Objektif Kajian.....	105
5.1.1	Menilai Kesan Sikap dan Pengetahuan Kewangan..... Terhadap Amalan Kewangan	106
5.1.2	Menilai Kesan Amalan Kewangan Terhadap..... Keputusan Ekonomi Keluarga	107
5.1.3	Menilai Kesan Keputusan Ekonomi Keluarga..... Terhadap Pembuatan Keputusan Isirumah	108
5.1.4	Menilai Kesan Keputusan Ekonomi Keluarga..... Terhadap kebebasan Peribadi	109
5.1.5	Menilai Kesan Umur dan Pendapatan Terhadap..... Keputusan Ekonomi Keluarga	110
5.2	Perbincangan Kajian.....	112
5.3	Ringkasan Kajian.....	123
5.4	Sumbangan Kajian.....	125
5.5	Limitasi Kajian.....	130
5.6	Cadangan Kajian Masa Depan.....	131
5.7	Kesimpulan.....	133

RUJUKAN.....	135
--------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Kaji Selidik

Lampiran B: Output Ujian SPSS (Kajian Rintis)

Lampiran C: Output Ujian SPSS (Kajian Sebenar)

Lampiran D: Output Analisis PLS (Keseluruhan Item)

Lampiran E: Output Analisis PLS (Item Terpilih)

SENARAI JADUAL

	Mukasurat	
Jadual 1.1	Bilangan ibu tunggal di Malaysia bagi tahun 1980-2010	2
Jadual 1.2	Bilangan perkahwinan dan penceraian di Malaysia bagi tahun 2007-2011	3
Jadual 1.3	Pendapatan dan upah bulanan bagi wanita di Malaysia bagi tahun 2013	4
Jadual 1.4	Bilangan ketua isi rumah wanita di Malaysia bagi tahun 1995-2010	5
Jadual 1.5	Statistik guna tenaga di Malaysia bagi suku ke-empat tahun 2015	8
Jadual 2.1	Perbandingan teori TRA, TPB dan KAP	39
Jadual 3.1	Sumber soalan kaji selidik	52
Jadual 3.2	Rekabentuk soalan kaji selidik	53
Jadual 4.1	Taburan responden mengikut ciri – ciri asas	72
Jadual 4.2	Taburan responden mengikut pecahan umur, pendapatan, bilangan anak, tanggungan dan tempoh menjadi ibu tunggal	74

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 4.3	Taburan responden mengikut jenis pemilikan dan jenis kediaman	75
Jadual 4.4	Taburan responden mengikut medium komunikasi dan sumber maklumat, pemilikan kenderaan dan maklumat kewangan	76
Jadual 4.5	Taburan skor mengikut item bagi sikap, pengetahuan dan amalan kewangan	78
Jadual 4.6	Taburan skor mengikut item bagi kebebasan peribadi, keputusan ekonomi keluarga dan pembuatan keputusan isi rumah	81
Jadual 4.7	Taburan skor mengikut pembolehubah kajian	83
Jadual 4.8	Bacaan kolerasi oleh Cohen (1988)	84
Jadual 4.9	Kolerasi antara pembolehubah	86
Jadual 4.10	Keputusan ke atas model pengukuran	90
Jadual 4.11	Muatan item	91
Jadual 4.12	Kesahan diskriminan	93

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 4.13	Keputusan analisis struktural (model asas)	96
Jadual 4.14	Penentu koefisyen dan pertindihan (model asas)	98
Jadual 4.15	Keputusan analisis struktural (keseluruhan)	100
Jadual 4.16	Penentu koefisyen dan pertindihan (model keseluruhan)	101
Jadual 4.17	Keputusan hipotesis kajian	102

SENARAI RAJAH

		Mukasurat
Rajah 2.1	Kerangka teoritikal	44
Rajah 4.1	(a) Kerangka model asas	88
Rajah 4.1	(b) Kerangka model keseluruhan	88
Rajah 4.2	Analisis <i>Path Algorithm</i> (Model asas)	95
Rajah 4.3	Analisis <i>Path Algorithm</i> (Model keseluruhan)	99

**PERANAN SIKAP, PENGETAHUAN DAN AMALAN KEWANGAN
TERHADAP PEMERKASAAN EKONOMI IBU TUNGGAL**

ABSTRAK

Kajian ini meneroka kesan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan ibu tunggal terhadap pemeraksanaan ekonomi. Satu model pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal terhasil gabungan teori KAP dan dimensi pemeraksanaan wanita (kebebasan peribadi, keputusan ekonomi keluarga dan pembuatan keputusan isirumah). Dalam kajian ini, borang kaji selidik diedarkan kepada ibu tunggal di Pulau Pinang dan sebanyak 116 jawapan kaji selidik dikumpulkan. Kajian mendapati bahawa pengetahuan kewangan mempunyai kesan yang signifikan terhadap amalan kewangan yang mempunyai kesan yang besar ke atas keputusan ekonomi keluarga, yang seterusnya memberi kesan kepada pembuatan keputusan isirumah dan kebebasan peribadi. Dalam kajian ini, umur dan pendapatan diuji sebagai faktor moderator. Kajian mendapati pendapatan mempunyai kesan langsung dengan keputusan ekonomi keluarga. Hasil kajian menunjukkan kepentingan pengetahuan kewangan, amalan kewangan dan pendapatan dalam menentukan keputusan ekonomi keluarga. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa keputusan ekonomi keluarga mempunyai kesan yang besar ke atas pembuatan keputusan isirumah berbanding kebebasan peribadi. Beberapa implikasi praktikal untuk memperkasakan ekonomi ibu tunggal turut dibincangkan.

ROLES OF FINANCIAL ATTITUDE, KNOWLEDGE AND PRACTICES TOWARD ECONOMIC EMPOWERMENT OF SINGLE MOTHERS

ABSTRACT

This study explores the effects of financial attitudes, knowledge and practices of single mothers toward economic empowerment. A model for single mother's economic empowerment is constructed by combining the KAP theory with the dimensional of women empowerment (personal freedom, family economic decision and household decision making). In this study, questionnaires are distributed to single mothers in the state of Penang and 116 are collected. The study found that financial knowledge has significantly affected financial practices that have significant impact on economic decision making, which in turn affected household decision making and personal freedom. In this study, age and income were treated as moderating factors. The study found significant direct effect of income on single mothers' economic decision making. The findings suggest that importance of financial knowledge, financial practices and income in predicting economic decision making. The study also concludes that economic decision making has greater impact on household decision making than personal freedom. Some practical implications for economic empowerment of single mothers were discussed.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian memfokuskan hal pemeraksanaan ekonomi dalam kalangan ibu tunggal. Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, takrifan istilah, kepentingan kajian, skop kajian dan susun atur kajian.

1.1 Latar belakang Kajian

Isu ibu tunggal di Malaysia sering mendapat perhatian oleh banyak pihak terutamanya media massa. Namun begitu, usaha dalam membantu mereka di dalam kehidupan seharian seperti bantuan untuk ibu tunggal dan anak masih tidak mencukupi. Malah, polisi khusus bagi ibu tunggal masih tiada. Hal ini disokong oleh ketiadaan bantuan berstruktur atau tetap seperti elaun bulanan khas untuk ibu tunggal. Di Malaysia, bantuan am diberikan kepada ibu tunggal mengikut negeri masing-masing dan secara *one-off*. Program bantuan lebih kepada latihan kemahiran dalam bidang berkeberhasilan rendah seperti jahitan dan kraftangan. Geran perlancaan seperti modal awal memulakan perniagaan hanya diberikan mengikut kuota tertentu dan keberkesanan program sukar dinilai secara keseluruhan. Sokongan sosial yang berterusan dan bantuan kebajikan yang khusus dapat mengurangkan bebanan ibu tunggal dalam memenuhi keperluan hidup seharian (Haleman, 2004), terutamanya ibu tunggal di kampung dan pendalaman yang bermasalah kurang

pendapatan (Siti & Sakinah, 2013). Golongan ini memerlukan bentuk bantuan yang khusus dalam menjana pendapatan dan ekonomi mereka.

Bilangan ibu tunggal semakin meningkat saban tahun dan ini meningkatkan kemungkinan semakin ramai wanita menjadi ketua isi rumah dan pencari nafkah utama bagi keluarga. Jadual 1.1 menunjukkan statistik ibu tunggal bagi tahun 1980 hingga 2010. Di Malaysia, populasi utama ibu tunggal terdiri daripada balu diikuti janda dan bercerai tetap, situasi ini berbeza dengan ibu tunggal di luar negara yang majoritinya daripada keruntuhan rumahtangga, pasangan yang tinggal bersama (*cohabitant*) dan ibu yang tidak berkahwin (Amato, 2000; Baxter & Renda, 2011; Kiernan, 2004, Raley & Bumpass, 2003). Oleh itu, adalah penting bagi golongan ini untuk meningkatkan kemahiran dan menambah pengetahuan yang dapat membantu mereka menjadi lebih berdikari dan ini dapat dilaksanakan melalui usaha pemerkasaan ekonomi.

Jadual 1.1 Bilangan ibu tunggal di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 2010

Tahun	Bilangan ibu tunggal di Malaysia
1980	444,000
1991	653,500
2000	620,389
2010	831,860

Sumber: Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Kadar penceraian yang tinggi di Malaysia juga menyebabkan lebih ramai wanita menjadi ibu tunggal. Jadual 1.2 menunjukkan statistik kes penceraian bagi

tahun 2007 hingga 2011. Seperti di kebanyakan negara, tanggungjawab untuk memelihara anak selepas penceraian sering diberikan kepada ibu terutamanya untuk anak yang masih kecil. Wanita yang kematian suami juga selalunya akan terus menjaga sendiri anak-anak mereka. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, ibu tunggal terpaksa mencari alternatif jagaan anak dengan bantuan luar seperti saudara terdekat atau rumah anak yatim. Dalam kebanyakan kes, hal ini terpaksa dilakukan akibat masalah kewangan. Sementelahan pula dengan banyak kes kegagalan bekas suami membayar nafkah anak-anak selepas penceraian yang menyukarkan lagi ibu tunggal dalam menampung kehidupan anak-anak dan memberikan kehidupan yang terbaik buat mereka (McLanahan & Sandefur, 1994; Rosmiza, 1997; Montenegro, 2004).

Jadual 1.2 Bilangan perkahwinan dan penceraian di Malaysia bagi tahun 2007 hingga 2011

Tahun	Bilangan perkahwinan	Bilangan penceraian	Kadar penceraian setahun (%)
2007	195,026	26,956	13.82
2008	195,891	29,373	14.99
2009	202,735	36,668	18.09
2010	141,751	37,280	26.30
2011	209,226	35,114	16.74

Sumber: Statistik Perkahwinan dan Penceraian Orang Islam 2007 – 2011, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Statistik Perkahwinan dan Penceraian Orang Bukan Islam 2007 – 2011, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Hal ini kerana anak-anak adalah isu utama sebaik sahaja bergelar ibu tunggal (Ainun, 1997) dan masalah berkaitan saraan, penjagaan, penerimaan dan emosi anak-

anak lebih ketara kepada ibu tunggal berbanding wanita bersuami daripada keluarga sempurna (Nixon et al., 2012). Walaupun di Malaysia purata bilangan anak adalah kecil bagi kaum Melayu (2.8), India (2.0) dan Cina (1.8) (Banci, 2010) namun pendapatan yang rendah sudah pasti tidak dapat menampung keperluan hidup mereka. Jadual 1.3 menunjukkan kadar pendapatan wanita mengikut status bagi tahun 2013. Pendapatan yang rendah ini menyebabkan ibu tunggal menghadapi masalah kewangan kerana berperanan sebagai pencari nafkah dan penjaga bagi keluarga pada masa yang sama. Oleh kerana itu, golongan ini mungkin jelas memerlukan sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat berikutan masalah kesukaran ekonomi yang mereka hadapi (Faizah & Hazirah, 2013).

Jadual 1.3 Pendapatan dan upah bulanan bagi wanita di Malaysia bagi tahun 2013

<u>Status</u>	<u>Pendapatan dan upah (RM)</u>	
	<u>Min</u>	<u>Median</u>
Berkahwin	2,241	1,765
Balu	1,452	900
Bercerai/berpisah tetap	1,545	1,160

Sumber: Laporan Pendapatan dan Upah tahun 2013, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Secara umumnya, kajian di banyak negara menunjukkan bahawa insiden kemiskinan sering berlaku dalam kalangan ibu tunggal dan isi rumah yang diketuai oleh wanita (Walter, 2002). Jadual 1.4 menunjukkan pertingkatan bilangan ketua isi rumah wanita di Malaysia bagi tahun 1995 hingga tahun 2010. Fenomena ibu tunggal selari dengan masalah ketua isi rumah wanita dan kajian menunjukkan insiden

kemiskinan lebih kerap berlaku kepada golongan ini. Kesulitan kewangan adalah antara isu yang paling kerap dihadapi oleh ibu tunggal dan keluarga mereka (Rosmiza, 1997; Montenegro, 2004). Kesusahan isi rumah ibu tunggal sering berkaitan dengan kesulitan makanan, tempat tinggal, perubatan dan pembayaran utiliti (Mary & Chi, 2011). Usaha yang penting adalah untuk memperkasakan wanita supaya mereka dapat keluar daripada belenggu kemiskinan dan memastikan kemiskinan tersebut tidak diwarisi oleh anak-anak (*intergenerational poverty*). Pemerkasaan adalah proses dimana individu dapat mengawal dan mempunyai hak ke atas kehidupan sendiri serta mempunyai peluang untuk membuat pilihan dalam hidup (Barlett, 2004). Proses ini boleh mendorong ibu tunggal untuk berubah, membuat pilihan yang lebih tepat dan mengubah taraf kehidupan sedia ada kepada lebih baik.

Jadual 1.4 Bilangan ketua isi rumah wanita di Malaysia bagi tahun 1995 hingga 2010

Tahun	Bilangan ketua isi rumah wanita
1995	653,500
2000	711,000
2005	800,000
2010	990,800

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

1.2 Pernyataan Masalah

Masalah utama ibu tunggal adalah masalah kewangan. Kesukaran untuk menyara diri dan anak-anak mereka kerana selepas menjadi ibu tunggal mereka hilang sebahagian besar pendapatan. Bagi ibu yang bekerja, mereka kehilangan

bahagian pendapatan yang disumbangkan oleh suami. Bagi suri rumah sepenuh masa, mereka mungkin kehilangan hampir keseluruhan pendapatan yang ada sebelumnya. Bagi golongan kedua ini, adalah agak sukar untuk mereka mendapatkan pekerjaan selepas bergelar ibu tunggal kerana pelbagai faktor seperti tiada pengalaman kerja, pendidikan yang rendah dan usia yang meningkat (Diyana, Doris & Aini, 2012). Didapati juga bahawa, ibu tunggal jarang dapat membuat tabungan dan seringkali kehabisan wang pendapatan (Mohd & Noor, 2011). Masalah-masalah berkaitan pendapatan ini menyumbang kepada isu kewangan ibu tunggal yang perlu dikaji dengan lebih terperinci.

Seterusnya adalah masalah peribadi ibu tunggal tersebut. Terdapat golongan ini yang bersikap terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, kekurangan pengetahuan serta pemahaman tentang kewangan, masalah mendapatkan wang yang mencukupi untuk memulakan perniagaan (Rohayu et al, 2011). Ibu tunggal di Malaysia terutamanya berumur 40 tahun dan ke atas sering memiliki simpanan yang minimum dan kerap berdepan kesukaran memasuki atau menyertai semula pasaran kerja (UNDP, 2012). Walaupun terdapat program-program bantuan dilaksanakan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) namun ibu tunggal miskin dan rendah pendidikan masih ketinggalan dan mengalami tekanan fizikal dan mental (Rusyda et al., 2011). Oleh itu, usaha membantu diperingkat individu memerlukan kajian terperinci berkaitan sikap, pengetahuan dan amalan ibu tunggal itu sendiri. Ketiga-tiga faktor ini penting bagi menilai peribadi ibu tunggal secara peribadi.

Pendidikan formal sering menjadi kayu pengukur yang menentukan jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan seseorang. Berdasarkan statistik Banci 2010, majoriti ibu tunggal yang bekerja mempunyai pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM) sahaja. Kebanyakan ibu tunggal mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan berkemahiran tanpa sijil (Diyana, Doris & Aini, 2012). Tahap pendidikan yang rendah melayakkan mereka mendapat pekerjaan asas sahaja seperti di sektor am dan perkilangan. Akibatnya, pendapatan ibu tunggal yang bekerja juga adalah rendah kerana upah yang diterima adalah kecil. Kekurangan pendapatan ini memberi masalah ekonomi kepada ibu tunggal. Wanita yang berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal melakukan beberapa jenis pekerjaan sekaligus untuk menambah pendapatan bulanan mereka (Suriati, 2002). Oleh itu, kajian pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal perlu dilakukan bagi mencari formula yang tepat untuk merangka program bantuan pembasmian kemiskinan.

Proses pemeraksanaan ibu tunggal penting berdasarkan kos sara hidup masa kini yang semakin meningkat, ditambah pula dengan pengenalan cukai perkhidmatan kerajaan atau lebih dikenali sebagai GST (*Government Service Tax*) sebanyak 6% semenjak 1 April 2015, kenaikan harga barang tidak dapat dielakkan dan ini menyukarkan lagi kehidupan ibu tunggal dan keluarga mereka. Hal ini turut merendahkan lagi taraf hidup keluarga ibu tunggal berbanding isi rumah yang diketuai oleh lelaki (*male headed household*). Kadar kemiskinan wanita adalah lebih tinggi berbanding lelaki (Todaro, 2003). Di Malaysia, lelaki lebih memonopoli dalam aspek tenaga buruh dan penduduk bekerja berbanding wanita yang lebih tinggi kadar pengangguran dan luar tenaga buruh (Kementerian Sumber Manusia). Jadual 1.5 menunjukkan statistik guna tenaga bagi suku ke-empat tahun 2015. Oleh itu, golongan wanita terutamanya ibu tunggal perlu diperkasakan ekonomi mereka dan medium yang paling tepat adalah melalui proses pemeraksanaan ekonomi. Proses ini mendorong kepada proses perubahan yang melibatkan faktor kebebasan peribadi dan

keputusan ekonomi keluarga (Samia & Selma, 2013) serta pembuatan keputusan isi rumah (Rajwanul & Golam, 2013).

Jadual 1.5 Statistik guna tenaga di Malaysia bagi suku ke-empat tahun 2015.

Data Guna Tenaga		
	<u>Lelaki</u>	<u>Perempuan</u>
Tenaga Buruh	8,772,800	5,514,500
Penduduk Bekerja	8,534,800	5,300,300
Pengangguran	238,100	214,200
Luar Tenaga Buruh	2,137,800	4,711,000
Kadar Pengangguran	2.7%	3.9%
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	80.4%	53.9%

Sumber: Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 7 Bil. 1/2016, Mac 2016, Kementerian Sumber Manusia.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, beberapa objektif kajian dibentuk. Oleh kerana penyelidikan ini menumpukan kepada aspek kewangan, maka faktor yang dikaji adalah kesan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan terhadap pemerksaan ekonomi wanita yang akhirnya membentuk satu model pemerksaan ekonomi ibu tunggal. Bagi faktor pemerksaan wanita, tiga dimensi digunakan sebagai pengukuran iaitu kebebasan peribadi, keputusan ekonomi keluarga dan pembuatan keputusan isi rumah. Terdapat empat objektif bagi kajian ini iaitu:

1. Untuk menilai kesan sikap berkenaan hal kewangan terhadap pemerksaan ekonomi ibu tunggal.

2. Untuk menentukan kesan pengetahuan berkenaan hal kewangan terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal.
3. Untuk menganalisa kesan amalan kewangan terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal.
4. Untuk mengukur kesan sosial ekonomi (umur dan pendapatan) terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal.

1.4 Soalan Kajian

Dalam kajian ini, kesan faktor sikap, pengetahuan dan amalan ke atas dimensi bagi pemeraksanaan wanita adalah jangkaan yang bakal diperoleh. Berdasarkan objektif kajian, terdapat empat soalan kajian telah dihasilkan. Maka, secara spesifiknya persoalan-persoalan yang akan dijawab di dalam kajian ini adalah:

1. Apakah kesan sikap berkenaan hal kewangan ibu tunggal terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal?
2. Apakah kesan pengetahuan kewangan ibu tunggal terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal?
3. Apakah kesan amalan kewangan ibu tunggal terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal?
4. Apakah kesan sosial ekonomi (umur dan pendapatan) terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal?

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting dalam memberi nilai tambah kepada literatur mengenai ibu tunggal di Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Kajian terdahulu lebih tertumpu kepada permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini. Kebanyakan penyelidik mendapati masalah utama ibu tunggal adalah kewangan yang melibatkan pendapatan, perbelanjaan serta kesukaran ekonomi. Namun, kajian ibu tunggal yang menumpukan kepada faktor kewangan juga agak terhad bilangannya. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji ibu tunggal dengan lebih terperinci dari faktor peribadi seperti sikap, pengetahuan dan amalan kewangan dan proses pemerksaan ekonomi sebagai medium penyelesaian masalah. Kajian ini juga membariskan indikator-indikator yang boleh diguna pakai oleh penyelidik seterusnya dalam mengkaji isu pemerksaan ibu tunggal mahupun wanita amnya.

Kedua, kajian ini mewujudkan satu model baru iaitu model pemerksaan ekonomi ibu tunggal. Model ini boleh digunapakai oleh mana-mana pihak dalam usaha membangunkan ekonomi ibu tunggal. Gabungan teori KAP (*Knowledge, Attitude, Practices*) dan dimensi pemerksaan ekonomi wanita adalah yang pertama seumpamanya dan menjadikan model ini sangat berguna kepada pelbagai pihak yang berkepentingan. Model ini juga mungkin dapat mengurangkan masalah kegagalan program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan NGO. Hal ini kerana terdapat kajian yang menunjukkan kegagalan sesuatu program bantuan disebabkan kekurangan penyertaan oleh ibu tunggal sendiri dan sikap golongan tersebut yang sangat bergantung dengan bantuan kewangan daripada kerajaan.

Seterusnya, kajian ini penting dalam mengumpul data demografi, deskriptif dan maklumat terperinci mengenai ibu tunggal. Hal ini kerana statistik dan data yang

terkini mengenai ibu tunggal sukar diperolehi dan bergantung kepada Bancian Penduduk dan Perumahan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan sekali setiap 10 tahun. Maklumat ibu tunggal yang diperolehi daripada Jabatan Pembangunan Wanita adalah lama dan tidak memenuhi keperluan kajian. Data yang terkini sangat diperlukan oleh pelbagai pihak dalam merancang aktiviti-aktiviti yang lebih tepat dengan keperluan ibu tunggal. Hal ini kerana data sedia ada adalah data lama dan tidak praktikal untuk digunakan kerana perlu disesuaikan mengikut corak ekonomi dan keadaan semasa di Malaysia.

Selanjutnya, kajian ini penting untuk mengupas dengan lebih mendalam tentang isu utama yang dihadapi oleh golongan ini kerana latar belakang sosial yang berbeza menunjukkan ibu tunggal memerlukan pelbagai bentuk bantuan yang khusus. Hal ini kerana golongan ini sering berdepan masalah sebagai pencari nafkah tunggal bagi keluarga. Kajian lepas mendapati cabaran utama adalah masalah yang berkaitan dengan kesukaran kewangan dan ekonomi (McLanahan & Sandefur, 1994; Rosmiza, 1997; Montenegro, 2004; Diyana et al., 2009; Youngblut et al., 2010; Sofiah, 2012; Faizah & Azian, 2013; Faizah & Hazirah, 2013; Mariam, 2014). Masalah kewangan yang selalu dihadapi adalah tidak cukup pendapatan untuk membuat simpanan, terpaksa bergantung kepada pendapatan sampingan untuk sara hidup, perlu mengeluarkan wang simpanan untuk memenuhi keperluan seharian, menghadapi masalah kewangan dalam persekolahan anak-anak dan hal kecemasan serta selalu memajak barangan. Oleh itu adalah penting bagi kajian ini melihat sikap, tahap pengetahuan dan amalan kewangan ibu tunggal supaya setiap program yang dirangka dapat disesuaikan dengan tahap literasi kewangan setiap ibu tunggal.

Pengetahuan dan panduan berkaitan kewangan sangat membantu golongan ini daripada segi pembuatan keputusan isi rumah dan tabungan (Heena, 2012).

Kajian ini juga penting dalam membantu ibu tunggal untuk membuat perubahan dalam diri. Hal ini kerana proses pemerksaan ekonomi wanita mendorong proses pembuatan keputusan oleh diri wanita berkaitan pendidikan, penyertaan, mobiliti sosial, kebebasan ekonomi, kebebasan bersuara, kesedaran dan hak serta penglibatan dalam politik (Debasis & Anamika, 2012). Proses ini memerlukan lebih ruang dan peluang dalam membuat keputusan bagi meningkatkan akses kepada kewangan, kredit, aset, nutrisi, penjagaan kesihatan dan pengurangan keganasan terhadap wanita (Moser, 1993). Kesannya, proses perubahan ini akan meningkatkan akses wanita kepada produk kewangan yang akan meningkatkan pendapatan isi rumah mereka, seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup wanita. Pembuatan keputusan ini penting kerana dapatan kajian mengenai masalah kewangan dalam keluarga berpendapatan rendah di Semenanjung Malaysia menunjukkan tahap masalah kewangan berbeza berdasarkan faktor demografi seperti umur, bangsa, status perkahwinan serta bilangan isi rumah dan faktor sosioekonomi seperti pendapatan, pendidikan dan status pekerjaan. Tambahan pula, ketua isi rumah tunggal yang berstatus balu atau bercerai lebih ramai menghadapi masalah kewangan yang serius. Oleh itu, kajian pemerksaan ekonomi penting dijalankan ke atas ibu tunggal bagi membantu mereka mencari alternatif untuk keluar daripada kemiskinan dan meningkatkan taraf ekonomi mereka ke tahap yang lebih baik.

Selain itu, kajian ini penting kepada perluasan bentuk bantuan dan program pembangunan sediada. Penambahan kategori latihan seperti program pendidikan asas dilihat sangat perlu memandangkan terdapat ibu tunggal di dalam kajian ini yang

tidak tahu membaca dan tiada pendidikan formal. Pelaksanaan program ini jika dipanjangkan kepada wanita berpendapatan sederhana rendah dapat memberi pendapatan sampingan kepada mereka kerana situasi kewangan tidak boleh diukur melalui pendapatan sahaja kerana bilangan tanggungan isi rumah dan keperluan perbelanjaan adalah berbeza. Kajian ini dapat membantu dalam usaha membangunkan wanita khususnya ibu tunggal. Wanita masih ketinggalan berbanding lelaki walaupun statistik komposisi penduduk mengikut jantina pada tahun 2015 menunjukkan 15.11 juta daripada 30.92 juta penduduk adalah wanita. Hal ini kerana Statistik Pekerjaan dan Perburuhan (Bil. 1/2016) mendapati pada suku ke-empat tahun 2015, bilangan penduduk wanita bekerja hanyalah 5,300,300 orang berbanding lelaki iaitu 8,534,800 orang. Kadar pengangguran wanita (3.9%) adalah lebih tinggi berbanding lelaki (2.7%). Data ini selari dengan perangkaan yang menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh bagi lelaki (80.4%) adalah lebih tinggi berbanding wanita (53.9%). Justeru itu, golongan wanita di negara ini memerlukan proses pemerksaan yang dapat membantu mereka meningkatkan keupayaan dalam menyertai aktiviti ekonomi.

Kajian ini juga penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa tanggungjawab membantu golongan ini bukan hanya di pihak kerajaan semata-mata tetapi melibatkan semua pihak. Melalui pelbagai bantuan yang boleh disalurkan oleh pihak kerajaan dapat mengelakkan anak-anak ibu tunggal daripada mewarisi kemiskinan keluarganya. Golongan ini memerlukan sokongan daripada ahli keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan pihak kerajaan kerana selain berdepan pelbagai kesukaran kewangan (Faizah & Hazirah, 2013), ibu tunggal turut mengalami kemurungan (Afifi et al., 2006; Turner, 2007), tekanan perasaan (Rosmiza, 1997)

dan kesunyian (Hamid et al., 2010). Hal ini kerana stigma negatif masyarakat terhadap ibu tunggal (Crosier, 2007; Faizah & Hazirah, 2013; Faizah & Azian, 2013) dan masalah berkaitan anak-anak (Ainun, 1997; Diyana, 2009; Youngblout, 2010) menambahkan beban yang ditanggung ibu tunggal. Hasil rumusan kajian ini juga boleh diterbitkan kepada umum bagi menghapuskan stigma negatif masyarakat terhadap ibu tunggal dan menangkis sikap prejudis terhadap keupayaan dan kekurangan yang dimiliki oleh golongan ini.

1.6 Takrifan Istilah

- **Pemeriksaan**

Pemeriksaan adalah proses yang mendorong kepada perubahan diri (Kabeer, 1999), pembuatan keputusan serta pilihan (Barlett, 2004) dan kawalan ke atas kehidupan (Chambers & Conway, 1991). Pemeriksaan dapat membangunkan peribadi, ekonomi, sosial dan politik seseorang individu (Debasis & Anamika, 2012).

- **Pemeriksaan Ekonomi**

Pemeriksaan ekonomi adalah proses yang mendorong kepada pembangunan ekonomi dan diperlukan bagi memastikan individu mendapat kemahiran yang mencukupi, keupayaan, sumber, akses kepada keselamatan, pendapatan yang stabil dan hidup sejahtera (Allendorf, 2006). Proses ini penting kepada ibu tunggal kerana menurut Eyben (2008) pemeriksaan ekonomi menjadi medium untuk menyertai, menyumbang dan memperoleh faedah daripada proses pertumbuhan ekonomi.

- **Sikap kewangan**

Sikap kewangan merujuk kepada sikap terhadap wang (Garmen et al., 1997) dan sikap terhadap wang ini terbahagi kepada sikap positif dan negatif (Furham & Okamura, 1999). Terdapat beberapa penyelidik merujuk wang sebagai kewangan (Curtler & Devlin, 1996). Sikap kewangan ini mempengaruhi corak perbelanjaan seseorang dan kawalan ke atas wang atau hal kewangan (Fiona et al., 2012).

- **Pengetahuan kewangan**

Pengetahuan kewangan adalah konsep asas dalam kefahaman tentang wang dan kegunaannya dalam kehidupan harian (Suzanne & Sharon, 2009). Konsep ini penting kerana peningkatan pengetahuan mendorong kepada perubahan sikap yang seterusnya membawa perubahan dalam amalan hidup seseorang.

- **Amalan kewangan**

Amalan kewangan adalah proses yang digunakan dalam menguruskan sumber-sumber kewangan dalam kehidupan seharian (Marianne & Jeanne, 2003). Proses ini penting kepada ibu tunggal kerana menurut Sorhaindo & Garman (2002) amalan kewangan yang baik dapat memberikan kesejahteraan kewangan kepada individu dan keluarga.

- **Ibu tunggal**

Ibu tunggal merujuk kepada wanita yang diceraikan (janda) atau kematian suami (balu) atau berpisah tetap (ditinggalkan suami tanpa pengesahan /

digantung tidak bertali) atau terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak atau diberikan hak penjagaan anak atas sebab-sebab tertentu (Rohaty & Rais, 1999).

- **Keputusan ekonomi keluarga**

Keputusan ekonomi keluarga merujuk kepada kekerapan membuat keputusan berkaitan hal ekonomi keluarga seperti makanan harian, rawatan perubatan, pendidikan serta perbelanjaan anak-anak dan pembelian kelengkapan rumah (Samia & Selma, 2013).

- **Pembuatan keputusan isi rumah**

Pembuatan keputusan isi rumah merujuk kepada pengaruh dalam membuat keputusan berkaitan isi rumah seperti perbelanjaan wang, pembelian utama isi rumah, pemilihan masakan makan harian, melawat ahli keluarga atau saudara mara, keluar dari kampung, pekan atau bandar, pergi membeli belah atau menghadiri upacara agama (Rajwanul & Golam, 2013).

- **Kebebasan peribadi**

Kebebasan peribadi merujuk kepada keupayaan diri untuk mengawal hal-hal peribadi seperti pendapatan peribadi, pendedahan kepada media massa dan elektronik, pergi ke hospital dan pasar secara bersendirian (Samia & Selma, 2013).

1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan hal pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal dan menumpukan kepada aspek kewangan dan ekonomi sahaja. Tujuan kajian adalah menganalisa kesan faktor sikap, pengetahuan dan amalan kewangan terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal. Indikator yang dipilih hanyalah yang bersesuaian dengan matlamat kajian. Asas kepada kajian ini adalah teori KAP yang mengandungi komponen sikap, pengetahuan dan amalan dan model pemeraksanaan wanita yang dimensi pengukuran yang ditentukan adalah keputusan ekonomi keluarga, kebebasan peribadi dan pembuatan keputusan isi rumah. Data sekunder dan statistik perangkaan yang digunakan dalam kajian ini adalah data rasmi yang terkini dan diterbitkan sahaja.

Kajian ini adalah kajian tinjauan (*survey*) dan berbentuk kuantitatif. Borang kaji selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soalan-soalan bagi borang kaji selidik adalah berdasarkan kajian-kajian lepas dan diubah suai mengikut keperluan kajian. Pengedaran borang kaji selidik dilakukan sewaktu sesi pengambilan wang RM100 iaitu bantuan kepada ibu tunggal oleh kerajaan negeri Pulau Pinang di Pejabat Daerah dan Tanah dan semasa sesi perjumpaan mingguan ahli-ahli Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Data mentah yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS dan SmartPLS.

Populasi kajian adalah ibu tunggal di Pulau Pinang. Kaedah persampelan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana responden dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu. Ibu tunggal mestilah rakyat negeri Pulau Pinang, menetap di negeri ini, berstatus balu, janda, berpisah (tiada pengesahan rasmi atau

ditinggalkan) dan lain-lain (suami tidak menyara keluarga disebabkan dipenjarakan, dibuang negeri, sakit dan sebagainya) dan berumur 18 hingga 60 tahun.

Bagi sesuatu kajian yang menguji model, populasi kajian boleh diambil kira berdasarkan mana-mana satu lokasi kajian yang dipilih. Hal ini selari dengan kajian-kajian lepas yang mengaplikasi cara yang sama bagi pengujian model. Sebagai contoh, Carol (1998) mengkaji model konseptual pemerksaan di kalangan pekerja syarikat AA Insurance yang berpusat di Taiwan, Do (2006) menguji model sikap terhadap pengiklanan melalui sukan di kalangan pelajar-pelajar universiti di United States, Rohayu et al. (2012) mengkaji model baru pembangunan usahawan ibu tunggal di kalangan ibu tunggal di Terengganu dan Qurratulain dan Mahpara (2015) menguji model pemerksaan ekonomi di kalangan wanita di daerah-daerah di Pakistan. Maka, dalam kajian ini memadai sampel kajian diambil daripada populasi ibu tunggal di negeri Pulau Pinang sahaja.

Selain itu, status negeri Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya dan taraf hidup yang tinggi yang menyamai bandar-bandar besar di Malaysia menyebabkan golongan ibu tunggal di negeri ini perlu diperkasakan dari segi ekonomi dan kewangan supaya mereka tidak ketinggalan dan hidup dalam kemiskinan. Saiz negeri ini yang kecil dimana keluasan bandar dan luar bandar nya yang hampir sama memudahkan perbandingan dibuat. Seterusnya, dasar kerajaan negeri dalam menghapuskan kemiskinan dalam kalangan rakyatnya dapat disokong dengan pengumpulan data terperinci mengenai ibu tunggal kerana mereka sering tergolong dalam kumpulan yang berpendapatan rendah secara relatif berbanding keluarga yang berkahwin dan tidak terkecuali juga golongan keluarga ibu tunggal. Kajian ini dapat

menyumbang dalam mengenal pasti amalan kewangan sebahagian ibu tunggal di Pulau Pinang yang memberi gambaran besar akan corak kehidupan mereka.

1.8 Susunatur Kajian

Kajian ini mengandungi lima bahagian utama. Bab 1 merupakan pengenalan kepada kajian. Ia mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, soalan kajian, kepentingan kajian, takrifan istilah dan susunatur kajian. Kerangka teoritikal dan konseptual yang menjadi asas kepada kajian dibincangkan dalam tinjauan literatur di Bab 2. Bahagian ini turut mengandungi tinjauan literatur kajian – kajian lepas yang bersesuaian dengan konteks penyelidikan yang membawa kepada pembinaan hipotesis kajian. Bab 3 memperincikan kaedah penyelidikan termasuk kaedah kajian, kaedah pengukuran data, instrumen kajian, kaedah analisis data, konseptualisasi, operationalisasi, kajian rintis, dan rumusan. Manakala Bab 4 mengandungi penerangan dan analisis terhadap data terkumpul dan output daripada analisis perisian statistik SPSS dan SmartPLS iaitu analisis demografi, deskriptif, kolerasi dan pengujian hipotesis. Seterusnya, bahagian terakhir, Bab 5 membincangkan dan sintesis dapatan kajian secara keseluruhan dan menyediakan kesimpulan daripada hasil kajian termasuk sumbangan, limitasi dan cadangan bagi penyelidikan seterusnya.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini mengandungi tinjauan literatur berdasarkan kajian-kajian oleh penyelidik terdahulu. Bahagian ini juga mengemukakan teori-teori dan menyorot kembali penemuan kajian-kajian lepas yang menjadi asas kepada penyelidikan ini. Bahagian ini mengupas isu-isu pemerksaan, dimensi pemerksaan wanita, teori KAP dan ibu tunggal. Selain itu, kajian literatur ini juga menumpukan perincian kepada dimensi bagi pengukuran pemerksaan ekonomi iaitu kebebasan peribadi, keputusan ekonomi keluarga dan pembuatan keputusan isi rumah. Kajian-kajian lepas yang berkaitan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan diteliti secara kritikal bagi menentukan kesan terhadap pemerksaan ibu tunggal. Tinjauan literatur ini penting bagi memudahkan pembinaan kerangka teoritikal dan konseptual serta pembentukan hipotesis bagi kajian ini. Pendekatan dan dapatan yang diperoleh daripada penyelidikan lepas membantu pemahaman tentang teori dan konsep secara lebih kritis. Seterusnya, kerangka kajian diterangkan secara teoritikal dan konseptual. Hipotesis kajian dibincangkan di akhir bahagian bab ini.

2.1 Ibu tunggal

Di peringkat global, keluarga ibu tunggal selalunya diketuai oleh ibu yang kematian suami, bercerai atau yang tidak berkahwin. Dalam konteks Malaysia,

terdapat pelbagai takrifan bagi maksud ibu tunggal (Hew, 2013). Seseorang wanita dilabelkan sebagai ibu tunggal apabila diceraikan atau kematian suami, terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak atau diberikan hak penjagaan anak atau setelah ditinggalkan suami tanpa pengesahan atau digantung tidak bertali (Rohaty & Rais, 1999). Ringkasnya, ciri-ciri ibu tunggal adalah kematian suami dan meneruskan tugas menjaga anak, wanita yang bercerai dan diberi hak penjagaan anak, wanita yang tidak diberi nafkah untuk menyara dirinya dan anak, wanita dalam proses penceraian, wanita yang mempunyai suami yang uzur tidak mampu memberi nafkah dan wanita yang membesarkan anak orang lain tanpa bantuan suami (Aini & Doris, 2012). Wanita yang pasangannya bekerja jauh daripada keluarga dalam tempoh yang lama juga dikategorikan sebagai ibu tunggal (Hew, 2013). Namun demikian, faktor utama menjadi ibu tunggal adalah kematian suami, penceraian, ditinggalkan suami atau gantung tidak bertali dan suami uzur serta kurang upaya (Aini & Doris, 2012). Selain daripada berstatus balu dan janda, wanita yang menjadi ketua keluarga, mengurus dan membesarkan anak secara bersendirian juga dikategorikan sebagai ibu tunggal (Sufean & Jamaludin, 2006). Kategori ini termasuklah wanita yang masih bergelar isteri yang sah tetapi menguruskan keluarga tanpa apa-apa saraan daripada suami (Hamdan, 2007). Terdapat juga takrifan yang menyatakan ibu tunggal adalah seorang ibu yang tinggal berasingan dengan suaminya dimana suami tersebut tidak menjalankan tanggungjawab sebagai bapa atau sedang sakit (uzur) dan memerlukan penjagaan yang rapi lalu memberi tanggungjawab membesarkan anak kepada isteri (Rohaty & Rais, 1999).

Data menunjukkan peningkatan bilangan ketua isi rumah wanita telah berlaku sejak tiga dekad yang lalu iaitu seramai 444,000 orang ibu tunggal pada tahun 1985

dan meningkat kepada 895,000 orang pada tahun 2000 (Hew, 2013). Menurut Hew (2013) juga, didapati bilangan ibu tunggal di Kuala Lumpur sahaja telah mencapai 10,000 orang pada tahun 2000. Keluarga ibu tunggal di Malaysia meningkat seiring dengan bentuk keluarga yang lain kerana faktor seperti peningkatan kes penceraian, perpisahan sesama ahli keluarga, kematian pasangan dan peningkatan penerimaan sosial terhadap penceraian di dalam masyarakat (Mohamed, 2002). Menurut kajian, pertambahan ibu tunggal menyebabkan lebih ramai anak dibesarkan tanpa bantuan suami atau bukan dalam bentuk keluarga normal. Situasi ini mendorong kepada peningkatan masalah sosial di kalangan anak-anak daripada keluarga kategori ini. Anak-anak ibu tunggal atau keluarga yang bercerai cenderung menghadapi kesan negatif seperti tahap sosioekonomi yang rendah, kesan psikologi, masalah akademik dan ketidakpercayaan kepada institusi perkahwinan (Martinez & Forgatch, 2002).

Pelbagai masalah dihadapi oleh wanita sebaik sahaja bergelar ibu tunggal. Kajian yang berkaitan profil sosioekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan ibu tunggal di negeri Kedah dan Perlis mendapati golongan ini masih ketinggalan dalam pemilikan harta, tahap kesihatan, teknologi komunikasi, pengangkutan, pendidikan dan paling utama daripada segi pendapatan (Sofiah et al., 2012). Faktor ekonomi menjadi masalah utama bagi golongan ini (Faizah & Hazirah, 2013; Faizah & Azian, 2013). Ibu tunggal menghadapi kesukaran kewangan dan kehilangan sumber pendapatan daripada bekas suami (Montenegro, 2004; Rosmiza, 1997; McLanahan & Sandefur, 1994). Beban kerja yang banyak, tekanan berkaitan pekerjaan, taraf hidup yang rendah dan pergaduhan dengan bekas pasangan juga adalah antara masalah yang dihadapi ibu tunggal (Richards & Schmiede, 1993; Richards, 1989; Kelly & Voydanoff, 1985). Proses membesarkan anak-anak secara bersendirian tanpa bantuan

suami menyebabkan golongan ini kekurangan sumber pembiayaan, galakan emosi, bantuan membuat kerja-kerja rumah dan menjaga anak, masa senggang untuk aktiviti sosial dan penyertaan dalam kehidupan bermasyarakat (Smith, 1980). Sebagai pencari nafkah untuk keluarga pula, ibu tunggal mempunyai masa yang sangat terhad untuk bersama anak-anak dan keluarga (Kendig & Bianchi, 2008). Tanggungjawab yang besar terhadap anak-anak memberi tekanan emosi kepada golongan ini dan memberi kesan buruk kepada psikologi, kesihatan fizikal, kualiti hidup dan ketahanan ekonomi (Hanson, Kaakinen & Gredaly-Duff, 2005). Ibu tunggal turut mengalami kemurungan (Afifi et al., 2006; Turner, 2007), tekanan perasaan (Rosmiza, 1997) dan kesunyian (Hamid et al., 2010). Wanita yang bersuami lebih diterima oleh masyarakat berbanding wanita yang menjadi ibu tunggal (Khosravan et al., 2013). Pandangan serong dan stigma negatif masyarakat terhadap golongan ini (Crosier, 2007; Faizah & Hazirah, 2013; Faizah & Azian, 2013) memburukkan lagi keadaan ibu tunggal.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Aini & Doris (2012) tentang program pembasmian kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal mendapati ibu tunggal yang tidak menyertai mana-mana program anjuran pihak kerajaan biasanya tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar. Melalui kajian ini, penyelidik mengenalpasti beberapa faktor yang menjadi penghalang untuk menyertai program pembasmian kemiskinan ini dikenalpasti seperti masalah jarak yang jauh dari lokasi program diadakan, kandungan program yang tidak bersesuaian dengan usia, tempoh masa program terlalu singkat, masalah penjagaan anak dan kurangnya minat atau pendedahan kepada program yang diadakan. Kajian oleh Rohayu et al. (2011) pula mendapati terdapat ibu tunggal yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan,

kurang pengetahuan serta pemahaman tentang kewangan dan sukar mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat inisiatif bagi memajukan ibu tunggal miskin namun masalah yang wujud di pihak ibu tunggal perlu diselesaikan terlebih dahulu agar program pembasmian kemiskinan yang diadakan untuk membantu mereka dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Pemeriksaan ekonomi wanita adalah medium terkuat untuk menentang kemiskinan (Keshab, 2013). Semakin tinggi tahap kebebasan ekonomi seseorang wanita, semakin tinggi tahap pemeriksaan wanita tersebut (Ayobade, 2012). Pemeriksaan ekonomi meningkatkan akses wanita kepada sumber ekonomi dan peluang seperti pekerjaan, perkhidmatan kewangan, harta benda dan hasil yang lain (Eyben, 2008). Proses ini membantu wanita sedar tentang keupayaan mereka dan peranan mereka dalam tahap produktiviti untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negara (Ahmed, 1997). Oleh itu, pemeriksaan ekonomi terhadap ibu tunggal adalah medium utama untuk membantu mereka berdepan cabaran kewangan yang dihadapi sebaik sahaja bergelar ibu tunggal. Teori KAP tepat diaplikasikan terhadap pemeriksaan ekonomi ibu tunggal kerana apabila tahap pengetahuan meningkat maka penambahan pengetahuan tersebut mendorong kepada perubahan sikap dan perubahan sikap tersebut menyebabkan perubahan dalam amalan seseorang. Kajian ini menunjukkan meskipun terdapat inisiatif bagi memajukan ibu tunggal namun masalah-masalah yang wujud perlu diselesaikan terlebih dahulu di peringkat ibu tunggal itu sendiri.